

TELUS, KONFLIK DAN LEGAP ISTILAH MABBIM: SATU KAJIAN MORFOSEMANTIK

*Nor Hashimah Jalaluddin
Junaini binti Kasdan*

Abstrak

Dalam kegiatan penyelarasan istilah di peringkat serantau, Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) memutuskan adanya istilah yang dikategorikan sebagai istilah yang dipersetujui sama (kategori A) dan istilah yang dipersetujui berbeza (kategori B). Setelah lebih tiga dekad kegiatan tersebut dilaksanakan, dan lebih daripada 350 ribu istilah diselaraskan, ada laporan yang mengatakan hanya 35% istilah yang benar-benar dipersetujui sama. Manakala 65% lainnya dipersetujui berbeza. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan khusus bagi membincangkan perbezaan morfosemantik antara istilah Malaysia dengan istilah Indonesia. Sebanyak 4,393 istilah Teknologi Maklumat yang dipersetujui sama tetapi memiliki padanan berbeza dimanfaatkan dalam kajian ini. Seterusnya, istilah-istilah tersebut dikelompokkan kepada tiga tahap pemahaman, iaitu telus, konflik dan legap. Sebanyak 60 istilah yang dipilih secara rawak diuji tahap ketelusannya terhadap penutur bahasa Melayu di Malaysia dan di Indonesia. Penerapan Teori Relevans membuktikan bahawa perbezaan makna antara istilah Malaysia dengan istilah Indonesia benar-benar berlaku, khususnya dalam peristilahan MABBIM. Walau bagaimanapun, perbezaan bentuk istilah bukanlah penghalang untuk sesuatu istilah itu difahami, selagi ia memberikan kesan kognitif yang sama pada penutur dan pendengar kedua-dua bahasa.

Abstract

In an effort to standardize Malay terminologies at the regional level, the Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia Council of

Language (MABBIM) has jointly agreed on two categories of terms; those agreed upon as being the same (Category A) and those agreed upon as being different (Category B). However after three decades of collaboration and 250,000 terms standardized, only 35% were jointly agreed as being the same whereas 65% were different. This study aims to identify the differences in the level of morphosemantic transparency of the terms from the perspective of Malay and Indonesian speakers. A total of 4,393 terms in the field of Information Technology in Category A that have different equivalents in the target language were used in the study. Based on the differences in their phonological and morphological forms, these terminologies have been categorized as transparent, conflicting and opaque. Analysis of the data shows that 42.4% of the terminologies are conflicting and opaque. Based on a respondents' test, the transparency level of 51.5% of the conflicting and opaque terms are true for both the Malay and the Indonesian speakers. The study also shows that the level of transparency of a terminology is closely related to the spoken language. Nevertheless, the difference in form of a terminology is not an obstacle for it to be understood, as long as it has a similar cognitive effect on the speakers and hearers of both languages.

PENDAHULUAN

Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) yang telah ditubuhkan pada 29 Disember 1972 bertanggungjawab untuk membina dan menyatukan bahasa Melayu/Indonesia di Negara Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia. Usaha pembinaan dan penyatuan bahasa Melayu/Indonesia perlu dilakukan bagi memastikan kelancaran komunikasi budaya, ilmu, dagang, ekonomi, teknologi dan lain-lain, khususnya dalam kalangan negara anggota. Antara usaha yang telah dirintis oleh MABBIM ke arah penyatuan tersebut ialah membentuk dan menyelaraskan istilah dalam pelbagai bidang ilmu. Hal ini demikian kerana istilah merupakan wahana penting untuk mengungkapkan sesuatu konsep dalam bidang ilmu yang baru diperolehi. Oleh itu, penyeragaman istilah dalam kalangan negara anggota MABBIM perlu dilakukan kerana ia berkaitan rapat dengan kejayaan proses pemindahan teknologi.

Sehingga kini, MABBIM telah berjaya menyelaraskan lebih daripada 250 ribu istilah. Perubahan keputusan bentuk pengkategorian istilah MABBIM menyebabkan istilah kategori A, iaitu istilah yang dipersetujui sama, terus

meningkat dari tahun ke tahun. Ironinya, pada masa yang sama, pengguna bahasa merasakan bahawa bahasa Melayu¹ dan bahasa Indonesia semakin terpisah. Moeliono (2001:2) berpendapat bahawa hanya 35% sahaja istilah yang dipersetujui sama benar-benar sama. Keadaan ini tentunya sangat membimbangkan kerana usaha kebersamaan itu tidak mencapai sasaran.

Setakat yang dapat ditelusuri, kajian yang memberikan tumpuan khusus kepada perbandingan tahap ketelusan dan darjah kefahaman antara bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia dalam kalangan penutur bahasa Melayu hanya pernah dilakukan oleh Asmah Haji Omar dalam *Mufakat Bahasa: Sejarah MBIM/MABBIM Sebagai Pembina Bahasa*, 2004, dan Bahagian Peristilahan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Dalam kajiannya, Asmah Haji Omar melihat perbezaan tahap ketelusan dan penerimaan mahasiswa Malaysia terhadap bahasa yang digunakan dalam akhbar Indonesia. Kefahaman dikategorikan kepada telus dan legap, dan beberapa subkategori antara kedua-duanya. Berdasarkan kaedah yang dibina, didapati bahawa hanya 70% kefahaman teks-teks tersebut termasuk di dalam kategori telus; dan 30% tidak difahami, yakni termasuk dalam kategori legap (*opaque*).

Bahagian Peristilahan, DBP pula menjalankan kajian perbezaan morfologi antara bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia dalam peristilahan MABBIM. Kajian tersebut menggunakan 900 data korpus istilah MABBIM dalam bidang Sains Asas (100 istilah), Sains Gunaan (400 istilah) dan Sains Sosial (400 istilah). Kajian yang dilakukan bertujuan untuk melihat tahap ketelusan istilah yang telah diselaraskan di peringkat MABBIM menurut perspektif pengguna bahasa di Malaysia di samping melihat bentuk-bentuk perbezaan morfologi yang berlaku dalam kedua-dua bahasa. Walau bagaimanapun, kajian masih di peringkat pelaksanaan.

Sebagai melengkapkan kajian di atas, satu lagi kajian telah dilakukan untuk mengukur kesalingfahaman antara istilah yang telah digubal oleh MABBIM dengan pelajar institusi pengajian tinggi. Kajian ini berusaha untuk melihat perbezaan tahap ketelusan antara istilah Malaysia dengan istilah Indonesia menurut perspektif penutur bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. Kajian ini berfokus pada penelitian tentang perbezaan istilah Teknologi Maklumat dalam rangka kerjasama kebahasaan MABBIM yang dilihat dari segi perbezaan bentuk dan makna yang didukung oleh istilah itu sendiri. Pemilihan bidang dilakukan berdasarkan kepopularan bidang tersebut pada saat kajian ini dilakukan. Hal ini kerana penggunaan

1 Bahasa Melayu dalam kajian ini merujuk kepada bahasa Melayu yang digunakan di Malaysia.

istilah dalam bidang Teknologi Maklumat tidak terhad kepada pengamal dalam bidang berkenaan sahaja, tetapi juga banyak digunakan oleh orang awam yang banyak menggunakan kemudahan komputer dan internet. Oleh itu, kajian ini melibatkan penganalisan data istilah MABBIM bidang Teknologi Maklumat (kategori A), istilah yang dipersetujui sama. Kajian ini juga melibatkan responden yang terdiri daripada pelajar ijazah pertama pengajian Sains dan Teknologi Maklumat di Malaysia (73.3% penutur bahasa Melayu) dan di Indonesia (71.6% penutur bahasa Jawa). Pelajar-pelajar tersebut dipilih sebagai responden kerana mereka merupakan khalayak pengguna istilah Teknologi Maklumat yang sekali gus merupakan generasi yang akan meneruskan kesinambungan penggunaan dan penyebaran istilah. *Kamus Dewan* (Edisi Ketiga) dan *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (Edisi Kelapan) akan dimanfaatkan sebagai sumber rujukan utama untuk mendapatkan kepastian makna sesuatu kata atau istilah. Dalam usaha untuk memahami konsep sesuatu istilah pula, kamus dan glosari istilah dalam bidang komputer dan teknologi maklumat digunakan.

BATASAN KAJIAN

Walaupun Negara Brunei Darussalam merupakan salah satu daripada negara anggota MABBIM, kajian ini hanya ditumpukan kepada perbezaan antara istilah Malaysia dengan istilah Indonesia sahaja kerana perbezaan antara istilah Malaysia dengan istilah Negara Brunei Darussalam relatif kecil jika dibandingkan dengan perbezaan yang berlaku antara istilah Malaysia dengan Indonesia. Hal ini berlaku kerana beberapa faktor yang boleh diambil kira, misalnya faktor sejarah, iaitu Malaysia dan Brunei Darussalam pernah dijajah oleh bangsa yang sama, iaitu British; dan faktor pendidikan, iaitu sebahagian besar daripada pakar yang terlibat dengan penggubalan istilah di Negara Brunei Darussalam merupakan lulusan dari universiti-universiti di Malaysia.

PERANAN ISTILAH DALAM PEMBINAAN BAHASA DI MALAYSIA DAN DI INDONESIA

Menurut Hassan Ahmad (1980)², “selagi manusia memerlukan bahasa, selagi itulah mereka akan terus memerlukan istilah”. Menurutnya juga,

2 Ucapan beliau selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu (JKTBM) di Majlis Perasmian Sidang ke-15 MBIM di Kota Kinabalu, Sabah pada 2 September 1980.

“istilah yang betul bererti istilah yang betul daripada segi struktur atau daripada segi tatabahasanya dan juga yang sesuai dengan Pedoman Umum Pembentukan Istilah”.

Istilah ialah kata atau frasa yang mengungkapkan konsep yang khusus yang terdapat dalam sesuatu bidang ilmu atau profesional. Sesuatu istilah itu mempunyai makna yang tepat bagi konteks bidangnya, dan dengan itu dapat diberi definisi yang tepat (*PUPIBM*,³ 2004:1). Bagi Baldinger K. (1952), istilah ditakrifkan sebagai simbol linguistik yang digunakan untuk mengungkapkan konsep-konsep tertentu dalam bidang khusus. Istilah boleh terdiri daripada kata, gabungan kata, frasa, atau ungkapan yang bersifat teknikal. Istilah juga ditakrifkan sebagai sebarang lambang konvensional bagi suatu konsep yang terdiri daripada bunyi-bunyi ujaran atau representasi tulisan. Pitch dan Draskau (1985:96) mentakrifkan istilah sebagai “kata atau frasa, sebagai lambang linguistik yang berupa huruf, bentuk bebas atau gabungan bentuk bebas yang gramatis dan sistematis, yang mengandungi timbunan konsep atau objek khas dalam bidang tertentu, dan bentuknya telah disepakati oleh sekumpulan pakar melalui jawatankuasa bidang berkenaan sebagai mempunyai nilai komunikatif yang sesuai.”

Bermula dari Sidang ke-7 MABBIM yang diadakan di Kuala Lumpur pada 4–9 Februari 1976, MABBIM mula membincangkan peristilahan bidang ilmu. Di peringkat MABBIM, penyelarasan istilah dilakukan oleh pakar-pakar bidang dari ketiga-tiga negara anggota yang bersidang dalam Sidang Pakar (dulunya dikenal sebagai Sidang Kelompok Khusus). Padanan istilah bahasa sasaran bagi bidang-bidang yang dibincangkan merupakan padanan dalam bahasa Melayu/Indonesia. Dalam usaha untuk menyelaraskan istilah pula, terdapat istilah yang dikategorikan sebagai istilah yang dipersetujui sama (kategori A) dan istilah yang dipersetujui berbeza (kategori B). Tujuan diadakan pengkategorian ini adalah untuk memberi ruang kepada bahasa masing-masing menggunakan istilah yang dianggap mantap tanpa perlu menukarkannya mengikut kehendak MABBIM. Salah satu contoh ialah peristilahan Teknologi Maklumat.

Penggubalan istilah Komputer dan Teknologi Maklumat di DBP bermula pada tahun 1987 apabila tertubuhnya Jawatankuasa Istilah Komputer. Sebanyak 4,969 istilah telah digubal dan diterbitkan pada tahun 1993, diikuti penubuhan Jawatankuasa Teknologi Maklumat pada tahun 1997

3 *PUPIBM* 2004 merupakan versi baharu bagi *PUPIBM* yang sedia ada yang mula diisytiharkan pada tahun 1975, sebagai salah satu tanda muafakat bahasa antara Malaysia dengan Indonesia di bawah payung MABBIM.


yang telah menggubal 2,081 istilah. Istilah-istilah tersebut telah diterbitkan dalam tiga jilid, iaitu *Glosari Teknologi Maklumat* (1996), *Glosari Teknologi Maklumat Jilid II* (2000) dan *Glosari Teknologi Maklumat Jilid III* (2003). Penggubalan istilah Teknologi Maklumat di peringkat MABBIM pula hanya bermula pada Sidang ke-13 Pakar MABBIM yang diadakan di Negara Brunei Darussalam pada tahun 1999. Sebanyak 13 subbidang istilah Teknologi Maklumat telah ditangani dan jumlah istilah terkumpul ialah sebanyak **9 070**. Bidang-bidang tersebut ialah Matematik, Data, Aplikasi, Teknologi Maklumat (IT) dalam Masyarakat, Pengurusan, Perisian, Organisasi dan Rangkaian, Perkakasan, Sistem Maklumat, Teori dan Metodologi, e-Kerajaan, serta Internet dan Multimedia. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya akan memanfaatkan 4 393 istilah Teknologi Maklumat kategori A (dipersetujui sama) yang mempunyai padanan berbeza. Setiap istilah dikelompokkan kepada tiga kategori tahap ketelusan, telus, konflik dan legap. Perbezaan istilah pula dilihat berdasarkan bentuk morfologi istilah itu sendiri, iaitu bentuk kata tunggal, bentuk gabungan kata, bentuk morfologi (imbuhan) dan bentuk ejaan.

TAHAP KETELUSAN ISTILAH TEKNOLOGI MAKLUMAT MABBIM

Berdasarkan 4 393 istilah Teknologi Maklumat kategori A, didapati bahawa 2 532 (57.6%) daripada 4 393 istilah dapat difahami dengan mudah dan dikategorikan sebagai istilah telus, manakala 975 (22.2%) istilah lain memiliki makna yang berbeza dan dikategorikan sebagai istilah konflik. Hanya 886 (20.2%) istilah yang tidak dapat difahami sama sekali dan dikategorikan sebagai istilah legap. Secara keseluruhannya, 42.4% istilah kategori A yang mempunyai padanan berbeza terdiri daripada istilah konflik serta legap, dan boleh menyebabkan gangguan komunikasi antara penutur kedua-dua negara.

Istilah yang dikelompokkan sebagai telus ialah istilah yang tidak menimbulkan masalah pemahaman kepada pengguna. Meskipun terdapat perbezaan leksikal, perbezaan yang dimaksudkan boleh dianggap minimum kerana kesukaran makna yang timbul dapat diramalkan oleh pengguna. Istilah konflik ialah istilah yang selalunya akan menimbulkan masalah pemahaman. Daripada data-data yang telah dianalisis, istilah konflik akan muncul apabila sistem fonologi dan morfologi sesuatu istilah jelas berbeza. Kadangkala masalah semantik juga dapat dikesan dalam istilah konflik ini. Selain istilah telus dan konflik, yang turut ditemukan ialah istilah yang dikategori-

kan sebagai istilah legap, iaitu istilah yang maknanya tidak dapat difahami sama sekali. Istilah tersebut tidak mampu memberikan klu kepada pengguna istilah akan maksud yang cuba disampaikan. Carta pai seperti pada Gambar rajah 1 menunjukkan taburan peratus perbezaan tahap ketelusan tersebut.



Gambar rajah 1 Peratus perbezaan tahap ketelusan antara istilah Malaysia dengan istilah Indonesia.

Gambar rajah 1 menunjukkan bahawa 1 861 (42.4%) daripada 4 393 istilah yang diterima sebagai dipersetujui sama oleh pihak Malaysia dan Indonesia didapati masih menimbulkan gangguan komunikasi (konflik dan legap), khususnya bagi penutur bahasa Melayu. Dalam ujian tahap ketelusan istilah ini, sebanyak 60 istilah telah dipilih secara rawak daripada pelbagai kategori dan bentuk. Bagi tujuan analisis ini, istilah-istilah tersebut dikelompokkan kepada tiga kategori, iaitu telus, konflik dan legap.

TEORI RELEVANS DAN PERISTILAHAN

Untuk menjadikan kajian itu bersifat saintifik, data yang mencukupi dan teori yang kukuh adalah penting untuk menganalisis data. Memandangkan ketidaktelusan istilah yang wujud ini akan dianalisis dengan teori Relevans, maka adalah elok diperkenalkan teorinya dahulu.

Teori Relevans Sepintas Lalu

Sperber dan Wilson, iaitu pengasas teori Relevans (1995) mendakwa sesuatu ujaran yang hendak dikomunikasikan itu harus mempunyai sifat-sifat yang jelas dan nyata (*manifest*). Dalam hal ini, penutur perlu me-

mastikan ujarannya tidak mengandungi unsur-unsur yang kabur. Apabila andaian daripada ujaran yang dihasilkan mudah ditangkap atau dikesan oleh individu, dan banyak bukti yang melatarinya, maka ujaran itu dapat dianggap sebagai ujaran yang bermanifestasi. Dalam komunikasi, persekitaran kognitif harus diambil kira.

Mereka membuat andaian teoretis bahawa setiap aksi yang melibatkan pengertian dan pemahaman akan menjanakan relevan yang optimum. Relevan yang optimum bermaksud jumlah kesan kognitif yang maksimum yang boleh dirumuskan dalam masa yang paling singkat bagi sesuatu ujaran. Kesan kognitif pula ialah andaian awal yang ada pada pendengar tentang maklumat yang relevan dengan dirinya. Setiap interpretasi yang optimum mestilah mencapai kesan kognitif yang mencukupi bagi menarik perhatian pendengar dan tidak memerlukan pendengar berusaha lebih untuk mencapai kesan yang dimaksudkan. Sperber dan Wilson (2002) menjelaskan bahawa dalam usaha mencapai relevan yang optimum, pendengar akan memproses sebarang rangsangan luar atau representasi dalaman yang menjadi input kepada proses kognitif yang mungkin relevan bagi dirinya (sebagai pendengar) pada suatu masa yang tertentu. Semua input yang relevan secara maksimum akan dikaitkan dengan maklumat latar belakangnya.

Menurut Carston (dalam Matsui, 2002) perkembangan terbaru teori ini adalah dengan wujudnya gagasan konsep *ad hoc* yang diperkenalkan oleh Barsalou. Konsep *ad hoc* merupakan komponen pemikiran penutur yang dapat diinterpretasikan oleh pendengar pada satu-satu masa yang sifatnya agak spesifik dan sementara. Oleh yang demikian, dapatlah dikatakan bahawa konsep leksikal yang tersimpan di dalam memori pendengar bukanlah konsep sebenar yang diharapkan penutur. Bagi Barsalou (1987), konsep *ad hoc* berusaha untuk menjelaskan proses bagi dua binaan konsep pragmatik yang kelihatan berbeza, iaitu proses peluasan atau penyempitan konsep. Dalam hal ini, binaan konsep pragmatik yang pada awalnya dikomunikasikan oleh penutur sebagai mendukung makna atau konteks yang spesifik, setelah melalui proses penyempitan atau peluasan, berubah menjadi makna atau konsep yang bersifat “ad hoc”. Konsep tersebut kemudiannya diproses bagi mencapai kesan kognitif seperti yang dihajati penutur.

Menurut Moreno (2002), ada kalanya huraian tentang sesuatu konsep yang spesifik terlalu panjang dan tidak lazim digunakan ketika berkomunikasi. Oleh itu, penutur menggunakan ujaran yang menurutnya ringkas dan dapat diinterpretasikan dengan mudah oleh pendengar. Sebagai lawan

bicara, apabila mendengar ujaran yang jarang-jarang didengar, pendengar akan membina konsep *ad hoc* berdasarkan pengalamannya agar dapat menginterpretasikan ujaran tersebut seperti yang dihajati penutur. Untuk memahami kelainan satu-satu ujaran, konsep yang dimaksudkan atau konsep-konsep lain yang terdapat dalam pengetahuannya akan diaktifkan semula. Sebahagian daripada maklumat sedia ada digunakan dalam konsep *ad hoc* yang baharu, yang dapat meningkatkan (atau membezakan) kesan kognitif yang tidak dapat dicapai melalui bentuk asalnya.

Ketelusan Morfosemantik Istilah Kategori Telus

Secara keseluruhan, ujian tahap ketelusan istilah mendapati sembilan (53.0%) daripada 17 istilah yang dikelompokkan sebagai istilah telus diterima oleh penutur bahasa Melayu dan bahasa Indonesia sebagai istilah yang membawa makna berbeza atau tidak dapat difahami sama sekali. Jadual 1 menunjukkan taburan hasil ujian tahap ketelusan istilah kategori telus.

Jadual 1 Tahap ketelusan istilah kategori telus.

ISTILAH			Malaysia		Indonesia	
INGGERIS	MALAYSIA	INDONESIA	Telus	Konflik	Telus	Konflik
decrement	susutan	kurangan	58	2	55	5
filtering	penapisan	penyaringan	47	13	24	36
interrupt	sampukan	sela	22	38	15	48
network	rangkaian	jaringan	59	1	43	17
stack	tindanan	tumpukan	13	47	32	28
bit pattern	corak bit	pola bit	52	8	49	11
color tool	peralatan warna	perkakas warna	57	3	55	5
data generator	penjana data	pembangkit data	34	26	7	53
binomial coefficient	pekali binomial	koefisien binomial	35	25	30	30
global roaming	perayauan global	roaming global	27	33	16	44
aggregation	pengagregatan	agregasi	40	20	50	10
precompiler	prapengkompil	prakompilator	32	28	35	25
command statement	kenyataan perintah	pernyataan perintah	47	13	11	49
formatted text	teks berformat	teks terformat	30	30	33	27
concrete model	model konkrit	model kongkret	44	16	60	0
current physical system	sistem fizikal terkini	sistem fisik terkini	45	15	52	8
resonance	resonans	resonansi	49	11	60	0

Jadual 1 menunjukkan bahawa tidak ada satu pun istilah kategori telus yang disenaraikan diterima sebagai istilah yang telus sepenuhnya oleh penutur bahasa Melayu. Sementara itu, bagi penutur bahasa Indonesia, hanya dua (11.8%) daripada 17 istilah kategori telus yang disenaraikan dapat diterima sebagai istilah yang benar-benar telus. Oleh itu, dengan mengambil kira bahawa setiap responden mempunyai tahap pengetahuan bahasa dan latar belakang yang berbeza, maka dalam kajian ini, tahap ketelusan istilah adalah benar apabila jumlah responden yang bersetuju melebihi 40 orang atau 2/3 daripada jumlah responden bagi tiap-tiap negara.

Berdasarkan hasil ujian melalui soal selidik yang dikemukakan kepada responden berhubung dengan tahap ketelusan istilah, didapati bahawa hanya **dua** daripada **lima** istilah bentuk tunggal yang dikategorikan sebagai telus dianggap benar-benar telus kerana mempunyai makna yang sama dan tidak menimbulkan sebarang gangguan pemahaman kepada pengguna. Walaupun istilah **susutan** (Malaysia), **kurangan** (Indonesia) dan **rangkaian** (Malaysia), **jaringan** (Indonesia) berbeza bentuk morfologinya, istilah-istilah tersebut masih dapat diterima oleh pengguna sebagai istilah yang bersinonim. Sebaliknya, **tiga** istilah yang lain, iaitu **penapisan** (Malaysia), **penyaringan** (Indonesia), **sampukan** (Malaysia), **sela** (Indonesia) dan **tindakan** (Malaysia), **tumpukan** (Indonesia), tidak dapat diterima sebagai istilah yang telus. Bagi responden, istilah-istilah tersebut mungkin membawa makna yang berbeza (konflik) atau tidak dapat difahami sama sekali (legap).

Seterusnya, ujian yang dijalankan juga mendapati bahawa hanya **dua** daripada **lima** istilah bentuk gabungan kata yang dikategorikan sebagai istilah telus dianggap benar-benar telus bagi 2/3 jumlah penutur kedua-dua bahasa. Istilah-istilah tersebut ialah **corak bit** (Malaysia), **pola bit** (Indonesia) dan **peralatan warna** (Malaysia), **perkakasan warna** (Indonesia). Sementara **tiga** istilah lain dianggap dapat menimbulkan masalah komunikasi kepada penutur kedua-dua bahasa, sama ada kerana istilah tersebut memiliki makna yang berbeza atau tidak dapat difahami sama sekali. Istilah-istilah tersebut ialah **pekali binomial** (Malaysia), **koefisien binomial** (Indonesia), **penjana data** (Malaysia), **pembangkit data** (Indonesia) dan **perayauan global** (Malaysia), **roaming global** (Indonesia).

Hasil kajian juga mendapati bahawa istilah **pengagregatan** (Malaysia), **agregasi** (Indonesia) merupakan satu-satunya istilah berbeza morfologi yang dapat dianggap sebagai telus bagi kedua-dua negara. Tiga istilah lain, iaitu **prapengkompil** (Malaysia), **prakompilator** (Indonesia), **teks berformat** (Malaysia), **teks terformat** (Indonesia) dan **kenyataan**

perintah (Malaysia), **pernyataan perintah** (Indonesia), tidak dapat diterima sebagai istilah telus.

Berdasarkan perbezaan ejaan pula, hasil soal selidik yang dijalankan menunjukkan bahawa ketiga-tiga istilah berbeza ejaan kategori telus yang disenaraikan dapat diterima sepenuhnya sebagai sama makna atau telus bagi penutur kedua-dua bahasa. Istilah-istilah tersebut ialah **model konkrit** (Malaysia), **model kongkret** (Indonesia), **sistem fizikal** (Malaysia), **sistem fisik** (Indonesia) dan **resonan** (Malaysia), **resonansi** (Indonesia).

Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa hanya lapan (47.1%) daripada 17 istilah kategori telus yang diuji tahap ketelusannya kepada responden adalah benar. Yang selebihnya, iaitu dua (52.9%) istilah hanya telus pada penutur salah satu bahasa, tiga (17.6%) istilah diterima sebagai telus oleh sebahagian besar penutur kedua-dua bahasa dan empat (23.6%) istilah telus diterima sebagai konflik oleh penutur kedua-dua bahasa. Bagi tujuan perbincangan pula, yang berikut dikemukakan beberapa contoh istilah yang dikategorikan sebagai istilah telus tetapi hakikatnya dapat mengganggu kelancaran komunikasi dua hala Malaysia-Indonesia.

Jadual 2 Contoh istilah telus yang mengganggu komunikasi dua hala.

Sumber	Malaysia	Indonesia
interrupt	sampukan Isyarat kawalan khas yang memberitahu pemproses utama supaya berhenti mengerjakan tugas yang sedang berjalan dan beralih ke suatu kawasan ingatan tertentu [Glosari Teknologi Maklumat Jil. 2 (GTM2), 2000].	sela Kejadian-kejadian sinkron yang merupakan tanggapan pemproses terhadap kondisi tertentu yang memerlukan perhatian (Febrian dan Farida Andayani, 2002).
	sampuk Mencelah (percakapan orang), memotong cakap, mencampuri (hal orang lain) [Kamus Dewan Edisi Ketiga (KD3), 1994].	sampuk Langgar, tabrak, tumbuk, bentur [Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI), 2001].
	sela Sesuatu yg terletak (terselit dll) di antara dua benda (KD3, 1994).	sela Sesuatu yang tersisip antara dua benda dan sebagainya (KBBI, 2001).

Dalam bidang Teknologi Maklumat, terdapat istilah *interrupt* yang dalam bahasa Melayu ditakrifkan sebagai “isyarat kawalan khas yang memberitahu pemproses utama supaya berhenti mengerjakan tugas yang

sedang berjalan dan beralih ke suatu kawasan ingatan tertentu” (GTM2, 2000). Dalam bahasa Indonesia pula, istilah *interrupt* ditakrifkan sebagai “kejadian-kejadian sinkron yang merupakan tanggapan pemproses terhadap kondisi tertentu yang memerlukan perhatian” (Febrian dan Farida Andayani, 2002). Berdasarkan takrifan tersebut, istilah *interrupt* dipadankan dengan “sampukan” dalam bahasa Melayu dan “sela” dalam bahasa Indonesia.

“Sampukan” berasal daripada kata “sampuk” yang “bererti mencelah (percakapan orang), memotong cakap, mencampuri (hal orang lain)” (KD3, 1994). Dengan sedikit perluasan makna, kata “sampuk” digunakan untuk menjelaskan konsep “perbuatan mengganggu tugas yang sedia ada dan memaksa supaya beralih kepada tugas yang lain” (GTM2, 2000). Dalam hal ini, “isyarat kawalan” (yang dikendalikan oleh pengguna komputer) merupakan “pengganggu” atau “penyampuk” yang memaksa pemproses utama berhenti melakukan kerja sedia adanya supaya beralih ke satu tugas yang lain. Akhiran “-an” pada kata sampuk menunjukkan bahawa istilah tersebut bermaksud hasil daripada suatu perbuatan (sampuk) yang dilakukan pengganggu atau penyampuk, sedangkan *sela* yang tidak disertai oleh sebarang bentuk morfologi menerangkan bentuk kata kerja (menyela). Perbezaan konsep (yang tergambar melalui kelas kata) yang dimiliki oleh istilah-istilah tersebut sudah menunjukkan kedua-duanya berbeza.

Walaupun kata “sampuk” juga terdapat dalam kosa kata bahasa Indonesia bagi mendukung makna yang sama seperti yang digunakan oleh penutur bahasa Melayu, kata tersebut jarang-jarang digunakan. Jika dalam bahasa Melayu biasa didengar ungkapan “jangan menyampuk orang tua bercakap”, dalam bahasa Indonesia, yang biasa didengar ialah “jangan menyela orang tua bicara”. Jadi, tidak hairanlah jika *interrupt* dipadankan dengan “sela”, yang dalam bahasa Indonesia bermaksud “sesuatu yang tersisip antara dua benda dan sebagainya (KBBI, 2001). Ketika penulis cuba mengajukan ungkapan ini kepada seorang responden, dia tidak memahaminya; hanya setelah diberikan sedikit penjelasan sebagai pengayaan maklumat sedia ada barulah difahaminya bahawa yang penulis maksudkan ialah “menyela”. Hakikatnya, leksikal “menyampuk” tidak dapat memberikan sebarang klu kepada penutur bahasa Indonesia. Mereka memerlukan usaha memproses maklumat yang lebih tinggi sebelum menjadikan ungkapan tersebut lebih relevan. Dalam kognisi penutur bahasa Indonesia, kata sampuk lebih bermaksud “langgar, tabrak, tumbuk, bentur” (KBBI, 2001), bahkan selalu berkolokasi dengan “kesampukan benda-benda ghaib”.

Meskipun kedua-dua istilah diserap daripada kata umum yang dimiliki oleh kedua-dua bahasa, penggunaannya nyata berbeza. Persilihan penggunaan kedua-dua leksikal tersebut menyebabkan 80% responden Indonesia tidak dapat memahami istilah “sampukan”, manakala 63.3% responden Malaysia menerima istilah “sela” sebagai mendukung konsep yang berbeza. Hal ini menunjukkan adanya ketidakrelevanan leksikal “sampukan” dan “sela” dalam kalangan penutur kedua-dua bahasa. Pada umumnya, penampilan perkataan yang digunakan sehari-hari tetapi mempunyai makna yang berbeza hanya akan menyebabkan gangguan komunikasi. Usaha memproses yang telah dicurahkan oleh kedua-dua belah pihak bagi mencapai kerelevanan istilah tersebut ternyata tidak setimpal. Hakikatnya, andaian awal yang terdapat dalam ensiklopedia pendengar tidak sama dengan maksud yang dihajati penutur. Berdasarkan teori Relevans, apabila hal ini terjadi, maka pendengar tidak dapat mencapai interpretasi yang relevan secara optimum. Relevan yang optimum bermaksud jumlah kesan kognitif yang maksimum yang boleh dirumuskan dalam masa yang paling singkat bagi sesuatu ujaran. Dalam konteks kerjasama MABBIM, kehadiran perbezaan istilah yang sedemikian tentunya tidak diharapkan kerana akan menyebabkan salah faham.

Perbezaan ketelusan morfosemantik juga terlihat pada istilah **penjana data** (Malaysia), **pembangkit data** (Indonesia) untuk padanan *data generator*. Hasil ujian mendapati bahawa 43.3% responden Malaysia dan 83.3% responden Indonesia tidak berjaya untuk saling memahami konsep yang terkandung dalam istilah tersebut. Istilah-istilah tersebut dianggap mendatangkan pelbagai andaian (konflik) bahkan ada yang tidak pernah mendengarnya sama sekali. Sebahagian responden yang dapat menerimanya sebagai telus pula hanya sekadar bergantung pada istilah sumber yang disertakan dalam soal selidik untuk membantu mengukuhkan maklumat sedia adanya.

Jadual 3 Contoh perbezaan ketelusan morfosemantik.

Sumber	Malaysia	Indonesia
data generator	penjana data Isyarat kawalan khas yang memberitahu pemproses utama supaya berhenti mengerjakan tugas yang sedang berjalan dan beralih ke suatu kawasan ingatan tertentu (GTM2, 2000).	pembangkit data

sambungan **Jadual 3**

Sumber	Malaysia	Indonesia
	<p>jana Hidup; nyawa (KD3, 1994).</p> <p>penjana Sesuatu (alat dll) yang atau untuk menjanakan (kuasa dll): alat (KD3, 1994).</p>	<p>jana - penjana -</p>
	<p>bangkit (2) hidup kembali; (6) sedar dan bergerak untuk mencapai kemajuan, sedar dan maju (KD3, 1994).</p> <p>pembangkit Sesuatu atau alat yang dapat membangkitkan (KD3, 1994).</p>	<p>bangkit (2) bangun (hidup) kembali. (KBBI, 2001). pembangkit (1) orang yang membangkitkan; (2) alat untuk membangkitkan sesuatu (KBBI, 2001).</p>

“Penjana” berasal daripada kata “jana” yang secara harfiah diertikan sebagai “hidup; nyawa” (KD3, 1994). Bagi penutur bahasa Melayu, apabila diutarakan kata “jana”, maka konsep *ad hoc* dalam kognisi mereka selalu dikaitkan dengan “jana kuasa elektrik” iaitu “alat yang digunakan untuk menghasilkan elektrik”. Penggunaan istilah jana ini kemudian berkembang dengan pelbagai perluasan konsep, seperti “penjana pertumbuhan ekonomi” dan “menjana pendapatan”. Dalam hal ini, “penjana” bermaksud “sesuatu (alat dll) yang, atau untuk menjanakan (kuasa dll): alat” (KD3, 1994). Dalam bidang teknologi maklumat, “penjana” ditakrifkan sebagai “perkakasan atau perisian yang berfungsi menghasilkan output berdasarkan hukum atau penentuan yang ditetapkan” [Kamus Komputer (KKom), 1993]. “Data” pula ditakrifkan sebagai “perwakilan fakta, konsep atau arahan dalam bentuk formal sesuai untuk komunikasi, penafsiran atau pemrosesan” (GTM1, 2000).

Pada umumnya, walaupun penutur bahasa Melayu sudah cukup selesa dengan penggunaan istilah “penjana data” yang dianggap cukup relevan untuk mengungkapkan konsep *data generator*, mereka juga mampu untuk menginterpretasikan istilah “pembangkit data” dengan mudah. Mereka masih dapat menerima kedua-dua istilah, “penjana data” dan “pembangkit data” sebagai bersinonim. “Bangkit” dalam bahasa Melayu bermaksud (2) “hidup kembali”; (6) “sedar dan bergerak untuk mencapai kemajuan, sedar dan maju”; (KD3, 1994), dan “pembangkit” pula bermaksud “sesuatu

atau alat yang dapat membangkitkan”. Dalam bahasa Melayu, ayat-ayat yang berikut sering ditemukan:

- (a) menjana semangat yang telah lama luntur
- (b) membangkitkan semangat yang membara

Dalam hal ini, baik “penjana” mahupun “pembangkit” menerangkan maksud “untuk menghasilkan sesuatu”. Jadi, tidak hairanlah jika istilah-istilah tersebut mampu diterima oleh penutur bahasa Melayu sebagai istilah yang mendukung makna yang sama. Bagi mereka, walaupun istilah-istilah tersebut berbeza, perbezaan tersebut dapat diramalkan maksudnya sehingga bukan lagi sesuatu yang menyukarkan.

Keadaannya agak berbeza bagi penutur bahasa Indonesia, khususnya mereka yang menjadikan bahasa Jawa (90.7%) sebagai bahasa pertuturan sehari-hari. Walaupun istilah “data” bukan sesuatu yang baharu bagi mereka, tidak pula halnya dengan istilah “penjana”. “Jana” dan “penjana” tidak terdapat dalam KBBI dan sekali gus memberikan gambaran bahawa konsep “jana” tidak pernah wujud dalam ensiklopedia penutur bahasa Indonesia. Kata “jana” dalam Bausastra Djawa-Indonesia (Prawiroatmodjo tanpa tahun) bermaksud “kereta, kenderaan, jalan”. Sama ada ungkapan ini masih digunakan sehari-hari ataupun tidak, yang pasti, bagi penutur bahasa Indonesia, “jana” tidak dapat dianggap sebagai ungkapan yang relevan untuk menggantikan istilah “bangkit” yang bermaksud “hidup” atau “bangun” (KBBI, 2001). Hakikatnya, untuk memahami konsep “jana” atau “penjana” penutur bahasa Indonesia tidak mempunyai sebarang klu untuk menjadikannya relevan. Hal ini dijelaskan oleh Sperber (<http://www.dan.sperber.com/relevancetheory.htm>), secara intuitif, input adalah relevan bagi pendengar apabila ia berkaitan dengan maklumat latar belakang yang sesuai dengan diri pendengar itu sendiri.

Dalam hal ini, hasrat penutur bahasa Indonesia untuk memahami konsep “penjana data” tentulah agak sukar kerana mereka tidak mempunyai sebarang maklumat yang dapat dimanfaatkan untuk mengarahkan kognisi mereka kepada maksud yang dihayati penutur. Bagi penutur bahasa Jawa, pelbagai maklumat diperlukan untuk menyingkirkan beberapa andaian sedia ada mereka agar “penjana” dapat diterima sebagai relevan bagi mendukung konsep *generator*. Hakikatnya, maklumat tambahan yang diperlukan tidak mencukupi sehingga tidak dapat memberikan kesan kognitif yang cukup tinggi sekali gus meninggikan kos pemprosesan maklumat yang sedia ada, seterusnya mengurangkan relevan. Oleh itu, dalam kon-

teks kerjasama kebahasaan MABBIM, kedua-dua istilah ini dianggap sebagai istilah yang dapat menimbulkan konflik dan dapat mengganggu kelancaran komunikasi antara penutur bahasa Melayu dengan penutur bahasa Indonesia.

Ketelusan Morfosemantik Istilah Kategori Konflik

Secara keseluruhan, hasil ujian yang dijalankan mendapati tujuh (41.2%) daripada 17 istilah yang dikelompokkan sebagai istilah konflik memiliki makna yang berbeza bagi penutur bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. Sebahagian yang lain pula diterima sebagai legap atau tidak dapat difahami sama sekali oleh penutur salah satu bahasa. Jadual 4 menunjukkan taburan hasil ujian tahap ketelusan istilah kategori konflik yang dimaksudkan.

Jadual 4 Tahap ketelusan istilah kategori konflik.

ISTILAH			MALAYSIA		INDONESIA	
INGGERIS	MALAYSIA	INDONESIA	Telus	Konflik	Telus	Konflik
<i>hacker</i>	penggodam	peretas	16	44	11	49
<i>interception</i>	pintasan	tangkap	11	49	3	57
<i>panning</i>	penggerakan	penolehan	8	52	14	46
<i>superbug</i>	superpepijat	superkutu	29	31	9	51
<i>telecommuting</i>	telekerja	telekarya	36	24	43	17
<i>bus slave</i>	hamba bas	budak bas	27	33	32	28
<i>file format</i>	format fail	format berkas	5	55	44	16
<i>template form</i>	borang templat	bentuk templat	20	40	12	48
<i>delete query</i>	pertanyaan hapus	permintaan hapus	20	40	20	40
<i>virtual desktop</i>	atas meja maya	semeja maya	20	40	12	48
<i>changeover</i>	pertukaran	bertukar	41	19	35	25
<i>market data</i>	data pasaran	data pasar	22	38	26	34
<i>equalization</i>	penyamaan	persamaan	51	9	29	31
<i>concealment system</i>	sistem persembunyian	sistem penyembunyian	12	48	30	40
<i>signing key pair</i>	pasangan kunci tandatangan	pasangan kunci penandatanganan	47	13	24	36
<i>ATM cell</i>	sel ATM	sal ATM	20	40	33	27

Berdasarkan Jadual 4, dengan mengambil suara majoriti 2/3 daripada responden, maka kajian mendapati bahawa **tiga** daripada **lima** istilah bentuk kata tunggal dan **tiga** daripada **lima** istilah bentuk gabungan kata kategori konflik yang disenaraikan benar-benar menimbulkan masalah pemahaman kepada pengguna kerana memiliki makna yang berbeza. Istilah **penggodam** (Malaysia), **peretas** (Indonesia), **pintasan** (Malaysia), **tangkap** (Indonesia), **penggerak** (Malaysia), **penolehan** (Indonesia), **superpejabat** (Malaysia), **superkutu** (Indonesia), **borang templat** (Malaysia), **bentuk templat** (Indonesia), **atas meja maya** (Malaysia), **semeja maya** (Indonesia) dan **pertanyaan hapus** (Malaysia), **permintaan hapus** (Indonesia) ternyata tidak dapat diterima oleh pengguna bahasa sebagai istilah yang dapat dipersetujui sama. Hal ini berbeza dengan istilah **telekerja** (Malaysia), **telekarya** (Indonesia), **format fail** (Malaysia), **format berkas** (Indonesia) dan **objek gigih** (Malaysia), **objek tetap** (Indonesia). Berdasarkan 2/3 suara majoriti, didapati bahawa hanya penutur bahasa salah satu negara sahaja yang menerima istilah-istilah tersebut sebagai istilah yang dapat menimbulkan persilihan makna, sementara negara yang satu lagi menerimanya sebagai istilah yang telus.

Soal selidik yang dijalankan juga mendapati bahawa tidak ada satu pun istilah berbeza morfologi kategori konflik yang disenaraikan disahkan sebagai istilah konflik oleh penutur kedua-dua bahasa. Walau bagaimanapun, hasil ujian yang dijalankan mendapati bahawa suara majoriti (2/3) berlaku pada istilah-istilah tertentu bagi satu pihak sahaja. Istilah-istilah yang disenaraikan ialah **pertukaran** (Malaysia), **bertukar** (Indonesia), **data pasaran** (Malaysia), **data pasar** (Indonesia), **penyamaan** (Malaysia), **persamaan** (Indonesia), **sistem persembunyian** (Malaysia), **sistem penyembunyian** (Indonesia) dan **pasangan kunci tandatangan** (Malaysia), **pasangan kunci penandatangan** (Indonesia).

Hal yang sama juga berlaku terhadap istilah **sal ATM** (Malaysia), **sal ATM** (Indonesia), yang merupakan satu-satunya istilah berbeza ejaan yang disenaraikan sebagai istilah konflik. Istilah tersebut tidak dapat diterima sebagai konflik oleh penutur kedua-dua bahasa hanya kerana tidak memenuhi majoriti 2/3 daripada jumlah responden yang bersetuju bahawa istilah tersebut boleh menimbulkan persilihan makna. Walau bagaimanapun, perbezaan yang berlaku didapati boleh menyebabkan gangguan komunikasi bagi sebahagian besar penutur kedua-dua bahasa.

Bagi tujuan perbincangan, yang berikut dikemukakan beberapa contoh istilah yang dikategorikan sebagai istilah konflik dan disahkan oleh penutur kedua-dua bahasa sebagai istilah yang dapat menimbulkan per-

silihan makna. Antara istilah konflik yang diuji tahap ketelusannya kepada responden ialah **penggodam** (Malaysia) dan **peretas** (Indonesia) untuk padanan *hacker*.

Jadual 5 Istilah konflik yang diuji tahap ketelusannya.

Sumber	Malaysia	Indonesia
<i>hacker</i>	penggodam Orang yang dapat menggunakan sesuatu sistem komputer selepas mencuba berkali-kali dengan pelbagai cara" (KKom, 1993).	peretas pengunjung tidak diundang yang masuk ke sistem komputer" (Febrian dan Farida Andayani, 2002).
	godam palu (KD3, 1994). penggodam Orang yang mencero boh masuk ke dalam sistem komputer untuk mengakses data dan maklumat sulit dan sebagainya (KD3, 1994).	godam palu besar atau gandin besar" (KBBI, 2001). penggodam <i>n</i> godam (KBBI, 2001).
	retas terputus benang jahitannya, terbuka jahitannya (kelimnya) (KD3, 1994). peretas Orang atau alat yang digunakan untuk meretas (KD3, 1994).	retas terputus benang jahitannya, terbuka jahitannya (kelimnya) (KBBI, 2001). peretas (1) orang yang meretas jalan dsb; (2) alat yang dipakai untuk meretas sesuatu (KBBI, 2001).

Dalam bahasa Melayu, *hacker* ditakrifkan sebagai "orang yang dapat menggunakan sesuatu sistem komputer selepas mencuba berkali-kali dengan pelbagai cara" (KKom, 1993). Dalam bahasa Indonesia pula, *hacker* ditakrifkan sebagai "pengunjung tidak diundang yang masuk ke sistem komputer" (Febrian dan Farida Andayani, 2002). Berdasarkan takrif konsep yang dikemukakan, maka *hacker* dipadankan dengan **penggodam** (Malaysia) dan **peretas** (Indonesia).

"Penggodam" berasal daripada kata dasar "godam" yang mendapat imbuhan peN-, manakala "godam" itu sendiri bermaksud palu besar, sehingga penggodam dapat dirujuk kepada orang yang memalu atau orang yang memukul dengan palu. Berdasarkan KD3, (1994), penggodam ditakrifkan sebagai "orang yang mencero boh masuk ke dalam sistem komputer

untuk mengakses data dan maklumat sulit dan sebagainya”. Bagi penutur bahasa Melayu, khususnya anak muda, kata “godam” sering kali dikaitkan dengan perbuatan merosakkan, memusnahkan atau melakukan sesuatu tanpa beraturan. Misalnya, “kau godam ajalah motosikal tu” yang maksudnya “buatlah apa-apa sahaja yang anda suka terhadap motosikal yang dimaksudkan”. Dengan sedikit peluasan makna, konsep “godam” yang digunakan oleh golongan muda ini dijadikan padanan kepada istilah *hacker* dalam sistem maklumat. Konsep ini tentunya bertentangan dengan istilah “peretas”, yang dalam bahasa Melayu bererti “orang atau alat yang digunakan untuk meretas”. “Retas”, baik dalam KD3 (1994) mahupun KBBI (2001), ditakrifkan sebagai “terputus benang jahitannya, terbuka jahitannya (kelimnya)”. Oleh itu, “peretas” bermaksud “orang yang meretas, alat untuk meretas”. Berdasarkan peluasan konsep, peretas tidak hanya bermaksud “memutuskan, putus benang jahitannya, membuka jahitannya (kelimnya)”, tetapi “memutuskan sesuatu”. Dalam bidang teknologi maklumat, istilah ini sukar untuk menepati konsep *hacker* bagi penutur bahasa Melayu, iaitu “orang yang mencerooboh sistem komputer dengan niat merosakkan, memusnahkan atau mencuri maklumat atau data” (GTM3, 2003). Dalam kognisi penutur bahasa Melayu, *hacker* lebih mengarah kepada “penceroboh” dan bukannya “pemutus”.

“Godam” bagi penutur bahasa Indonesia hanya diertikan sebagai “mar-til besar atau gandin besar” (KBBI, 2001) dan menyamai salah satu makna yang terkandung dalam KD3 (1994), sehingga istilah “penggodam” sukar untuk menepati mana-mana konsep *ad hoc* penutur bahasa Indonesia yang menyamai maksud “pengunjung tidak diundang yang masuk ke dalam sistem komputer”. Dalam hal ini, penutur bahasa Indonesia memerlukan pelbagai maklumat tambahan yang relevan dengan dirinya sebelum dapat menginterpretasikan makna “penggodam”. Persoalan mungkin timbul dalam kognisi penutur bahasa Indonesia: Adakah sesuatu data, maklumat atau perisian komputer dapat dipalu? Di sinilah munculnya peranan kognisi. Penutur bahasa Indonesia akan memproses perkataan tersebut berserta konteks sekelilingnya sehingga terbentuk inferens dalam otaknya. Ternyata, andaian awal yang terdapat dalam ensiklopedia mereka tidak sama dengan maksud yang dihajati penutur. Berdasarkan teori Relevans, istilah “penggodam” dianggap memerlukan kos memproses yang tinggi dan kurang relevan untuk digunakan dalam komunikasi dua hala Indonesia-Malaysia. Dengan kata lain, istilah tersebut dianggap sebagai istilah yang mengelirukan atau konflik. Oleh yang demikian, penutur bahasa Indonesia lebih selesa untuk menggunakan istilah “peretas” bagi padanan *hacker*.

Sebenarnya, meskipun “godam” dan “retas” merupakan kata daripada bahasa Melayu/Indonesia asli, ujaran tersebut jarang-jarang digunakan. Dengan kata lain, kedua-dua ujaran tidak bermanifestasi bagi penutur kedua-dua bahasa sehingga sukar untuk dikaitkan dengan persekitaran kognitif pendengar. Akibatnya, kesan kognitif sukar dihasilkan sedangkan kos memproses semakin tinggi sekali gus menjelaskan bahawa istilah tersebut tidak relevan kepada pendengar dan dianggap tidak telus. Peratus perbezaan tahap ketelusan yang tinggi dalam kalangan penutur kedua-dua bahasa menunjukkan bahawa gangguan komunikasi dan salah tafsir boleh berlaku dalam bidang ini. Dalam konteks kerjasama kebahasaan MABBIM, ketidakselarasan istilah tersebut dirasakan akan turut menyukarkan perkongsian maklumat dalam usaha memindahkan teknologi yang dimiliki oleh negara masing-masing. Dengan kata lain, buku yang diterbitkan di Malaysia sukar mendapat pasaran di Indonesia kerana pembaca kurang memahami kandungan buku tersebut. Hal ini juga turut dibuktikan melalui soal selidik yang dikemukakan kepada responden. Lebih daripada 50% responden kedua-dua negara menyatakan bahawa mereka menghadapi masalah untuk memahami teks berbahasa Melayu/Indonesia hanya kerana istilah yang berbeza.

Satu lagi istilah kategori konflik yang diujikan kepada responden ialah istilah **data pasaran** (Malaysia), **data pasar** (Indonesia). Hasil ujian mendapati bahawa “data pasaran” dan “data pasar” masih dianggap sebagai istilah konflik bagi sebahagian besar penutur bahasa Melayu (63.3%) dan bahasa Indonesia (56.7%). Kedua-dua istilah dibentuk melalui kaedah gabungan penterjemahan dan penyerapan daripada istilah *market data*. Kedua-duanya berbeza pada bentuk morfologi yang menyertai unsur yang menyatakan (M). Malaysia memilih untuk menggunakan akhiran -an menjadi “pasaran” sementara Indonesia menggunakan morfologi Ø dan tetap menjadikannya “pasar”. Antara “pasar” dengan “pasaran” untuk padanan *market*, Malaysia memilih makna proses, manakala Indonesia memilih makna hasil, walhal kedua-duanya daripada rumpun bahasa yang sama.

Sumber	Malaysia	Indonesia
<i>hacker</i>	data pasaran -(tidak diperoleh) - pasar Bangunan atau kelompok gerai dan sebagainya tempat menjual	data pasar - (tidak diperoleh) - pasar Tempat orang berjual beli” tetapi juga “kekuatan

sambungan jadual

Sumber	Malaysia	Indonesia
	(biasanya) barang-barang makanan keperluan sehari-hari, tempat (lapangan dsb untuk) orang berjual beli (KD3, 1994). pasaran Permintaan pembeli atau penawaran penjual (KD3, 1994).	penawaran dan permintaan (KBBI, 2001). pasaran (1) daerah (lingkungan) tempat sesuatu barang dagangan diperjualbelikan (3) resmi di pasar; (3) kurang baik mutunya (tt barang dagangan) (KBBI, 2001).

Setelah diamati, didapati bahawa akhiran *-an* penting dalam peristilahan bahasa Melayu kerana dianggap dapat mengangkat taraf sesuatu kata umum menjadi istilah setelah diberikan imbuhan. “Pasar” bagi mereka hanya akan memberikan gambaran konkrit yang merujuk kepada “bangunan atau kelompok gerai dan sebagainya, tempat menjual (biasanya) barang-barang makanan keperluan sehari-hari, tempat (lapangan dan sebagainya untuk) orang berjual beli” (KD3, 1994). “Pasaran” baru menjadi istilah dengan memberikan gambaran mental sesuatu yang abstrak sifatnya, yang dalam hal ini merujuk kepada “permintaan pembeli atau penawaran penjual” (KD3, 1994). Dalam konteks teknologi maklumat, “pasaran data” bagi penutur bahasa Melayu bermaksud “permintaan atau penawaran data yang berlaku dalam kalangan pengguna ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi)”.

Bagi penutur bahasa Indonesia, “pasar” bukan sahaja bermaksud “tempat orang berjual beli” tetapi juga “kekuatan penawaran dan permintaan” (KBBI, 2001). Pasaran pula, selain membawa maksud “kawasan atau lingkungan tempat penjual dan pembeli berhubung (berjual beli)”, menginterpretasikan maksud “apa yang berlaku (biasanya harga); “sesuatu yang kurang baik mutunya”. Daripada maklumat-maklumat yang berjaya dikumpulkan, dapat dilihat wujudnya perbezaan makna “pasar” dan “pasaran” dalam kalangan penutur bahasa Melayu dan Indonesia. Walaupun kedua-dua ungkapan tersebut terdapat dalam ensiklopedia penutur kedua-dua bahasa, namun penggunaan istilah tersebut tanpa melihat konteksnya akan menyebabkan ia disalahtanggapi. Penggunaan akhiran-an meskipun kecil, memberikan dampak yang besar sekiranya tidak digunakan pada konteks yang tepat. Hal ini sejajar dengan prinsip relevan yang mengatakan bahawa pemadanan antara maklumat dengan kognisi sangat

penting. Salah padan antara kedua-duanya akan menyebabkan maklumat yang ingin disampaikan disalahtanggapi pendengar. Oleh itu, bagi mengelakkan kesalahfahaman, kognisi pendengar mestilah selari dengan hal yang hendak disampaikan oleh si penutur.

Ketelusan Morfosemantik Istilah Kategori Legap

Menurut Sperber (dalam Bou-France, 2002), tujuan berkomunikasi adalah untuk saling berkongsi pendapat, idea, perasaan dan sebagainya dengan orang lain. Kenyataannya, ada ujaran yang tidak dapat diinterpretasikan atau difahami oleh pendengar. Jika hal ini berlaku, bukan sahaja gangguan komunikasi yang tidak terelakkan, tetapi juga perkongsian maklumat/idea tidak akan berlaku. Dalam konteks kerjasama peristilahan MABBIM, hal seperti ini tidak dapat dihindari. Berdasarkan ujian soal selidik yang dijalankan, secara keseluruhannya didapati 11 (68.8%) daripada 16 istilah kategori legap yang diuji kesahihan tahap ketelusannya kepada responden adalah benar. Istilah legap, iaitu istilah yang maknanya tidak dapat difahami sama sekali. Istilah tersebut tidak mampu memberikan klu kepada pengguna istilah akan maksud yang cuba disampaikan. Jadual 6 yang berikut adalah senarai istilah kategori legap yang dipilih secara rawak dan diujikan kepada responden.

Jadual 6 Tahap ketelusan istilah kategori legap.

ISTILAH			MALAYSIA		INDONESIA	
INGGERIS	MALAYSIA	INDONESIA	Telus	Legap	Telus	Legap
<i>scanner</i>	pengimbas	pemayar	14	46	10	50
<i>unpack</i>	nyahpadat	awapak	2	58	8	52
<i>routing</i>	penghalaan	perutean	5	55	6	54
<i>caption</i>	kapsyen	takarir	1	58	22	38
<i>data diddling</i>	penggodakan data	penyetelan data	11	49	8	52
<i>switching theory</i>	teori pensuisan	teori penyaklaran	5	55	12	48
<i>cross-ruff</i>	ropol silang	wiru silang	8	52	17	43
<i>statistical software</i>	perisian statistik	perangkat lunak statistik	11	49	13	47
<i>topological sorting</i>	pengisihan topologi	penyortiran topologi	7	53	7	53

sambungan Jadual 6

ISTILAH			MALAYSIA		INDONESIA	
INGGERIS	MALAYSIA	INDONESIA	Telus	Legap	Telus	Legap
<i>security performance</i>	prestasi sekuriti	kinerja sekuritas	6	54	32	27
<i>autoanswer</i>	autojawab	swajawab	12	48	46	14
<i>analysis phase</i>	fasa analisis	fase analisis	43	17	60	0
<i>archive</i>	arkib	arsip	6	54	13	47
<i>bytecode</i>	kod bait	kode bita	17	43	36	24
<i>e-auction</i>	e-lelong	e-lelang	8	52	10	50
<i>error</i>	ralat	galat	10	50	27	33
<i>port</i>	port	porta	33	27	50	10

Dengan mengambil kira suara majoriti 2/3 responden penutur kedua-dua bahasa, Jadual 6 menunjukkan bahawa **tiga** daripada **empat** istilah bentuk kata tunggal kategori legap yang diujikan dipersetujui tidak dapat difahami sama sekali oleh penutur kedua-dua bahasa. **Penghalaan** (Malaysia), **perutean** (Indonesia), **pengimbas** (Malaysia), **pemayar** (Indonesia) dan **nyahpadat** (Malaysia), **awapak** (Indonesia) merupakan tiga istilah legap yang disenaraikan dan diterima sebagai istilah yang legap kerana tidak dapat memberikan sebarang klu terhadap apa-apa yang ingin disampaikan kepada responden. Bagi istilah **kapsyen** (Malaysia), **takarir** (Indonesia), didapati bahawa hanya penutur bahasa Melayu sahaja yang menerimanya sebagai istilah legap. Hakikatnya, istilah “takarir” tidak dapat memberikan sebarang gambaran makna kepada penutur bahasa Melayu.

Bagi istilah bentuk gabungan kata kategori legap pula, hasil soal selidik mendapati bahawa 2/3 daripada responden kedua-dua negara mengesahkan bahawa **lima** daripada **enam** istilah kategori legap yang diuji tahap ketelusannya disahkan benar. Istilah-istilah tersebut ialah **penggodakan data** (Malaysia), **penyetelan data** (Indonesia), **pengisihan topologi** (Malaysia), **penyortiran topologi** (Indonesia), **perisian statistik** (Malaysia), **perangkat lunak** (Indonesia), **ropol silang** (Malaysia), **wiru silang** (Indonesia) dan **teori pensuisan** (Malaysia), **teori penyaklaran** (Indonesia). Satu lagi istilah bentuk gabungan kata kategori legap yang disenaraikan, iaitu **penilaian prestasi** (Malaysia), **evaluasi kinerja** (Indonesia), tidak dapat diterima sebagai istilah legap oleh penutur bahasa Indonesia, sebaliknya disahkan legap oleh penutur bahasa Melayu. Hal ini demikian mungkin kerana penutur bahasa Melayu tidak pernah mengenal istilah “kinerja”.

Istilah **autojawab** (Malaysia), **swajawab** (Indonesia) yang merupakan satu-satunya istilah berbeza morfologi yang dikategorikan sebagai istilah legap yang disenaraikan juga hanya diterima sebagai legap oleh penutur bahasa Melayu. Bagi penutur bahasa Indonesia, istilah tersebut merupakan istilah yang biasa dan dapat difahami dengan mudah. Imbuhan “swa” yang digunakan oleh penutur bahasa Indonesia ternyata tidak dapat menjelaskan makna *self* bagi penutur bahasa Melayu.

Hasil soal selidik juga mendapati bahawa **dua** daripada **lima** istilah berbeza ejaan yang diujikan, disahkan benar sebagai istilah yang tidak dapat difahami sama sekali oleh penutur kedua-dua bahasa. Istilah tersebut ialah **arkib** (Malaysia), **arsip** (Indonesia) dan **e-lelong** (Malaysia), **e-lelang** (Indonesia). Tiga istilah lain, iaitu **kod bait** (Malaysia), **kode bita** (Indonesia), **ralat** (Malaysia), **galat** (Indonesia) dan **port** (Malaysia), **porta** (Indonesia) cenderung diterima sebagai istilah yang tidak menimbulkan sebarang masalah kepada penutur bahasa Indonesia, tetapi bermasalah kepada penutur bahasa Melayu.

Secara keseluruhannya, 10 (58.8%) daripada 17 tahap ketelusan istilah kategori legap yang diuji, disahkan benar sebagai istilah legap kerana tidak dapat difahami sama sekali oleh penutur kedua-dua bahasa. Yang selebihnya, iaitu lima (29.5%) istilah, legap pada penutur salah satu bahasa sahaja, dan dua (11.7%) istilah diterima sebagai istilah telus. Bagi tujuan perbincangan, yang berikut ini dikemukakan beberapa contoh istilah kategori legap yang telah diujikan kepada responden.

Dalam kepesatan dunia ICT, bukan sahaja pengamal bidang teknologi maklumat yang mengenal istilah *scanner*, tetapi pengguna awam yang biasa menggunakan peralatan komputer juga mengenalnya. Dalam bahasa sumbernya, seperti yang dikutip daripada (<http://www.tiscali.co.uk/reference/dictionaries/computers/data>), *scanner* ditakrifkan sebagai peranti yang dapat menghasilkan imej digital sesuatu dokumen untuk diinput atau disimpan dalam komputer. Peranti ini menggunakan teknologi yang menyerupai mesin salinan foto. Dalam bahasa Melayu dan Indonesia, ia dipadankan dengan istilah **pengimbas** (Malaysia) dan **pemayar** (Indonesia).

Pada umumnya, apabila penutur kedua-dua bahasa menerima ujaran tersebut, mereka akan mentafsirkan mesej yang sebenarnya mengikut andaian latar belakang mereka masing-masing. Hakikatnya, bagi penutur bahasa Melayu, catatan ensiklopedia mereka tidak pernah mengenal “pemayar”. Begitu juga sebaliknya, penutur bahasa Indonesia tidak mengenal “pengimbas”.

Jadual 7 Padanan istilah *scanner* dalam bahasa Melayu dan bahasa Indonesia.

Sumber	Malaysia	Indonesia
<i>scanner</i>	pengimbas Peranti yang digunakan untuk membaca aksara atau corak kod pada kertas dan menukarkannya kepada bentuk kod data yang dapat diproses oleh komputer (KKom, 1994).	pemayar Alat yang dipakai untuk membaca sebuah dokumen yang tertulis pada sebuah kertas, dengan cara melewatkan pendeteksi image pada kertas tersebut. Alat ini mampu mengkonversikan citra ke dalam bentuk digital yang dapat disimpan atau diubah komputer” (Jack Febrian dan Farida Andayani, 2002).
	imbas (1) arus udara (kerana orang mengipas, orang berjalan, dll); (2) arus elektrik; (3) dorongan (desakan) (KD3, 1994). imbas-imbas Hampir sama (serupa), seakan-akan (KD3, 1994).	imbas (1) gerakan atau aliran udara; (2) dorongan; (3) penyakit yang disebabkan oleh hantu yang lewat (KBBI, 2001). imbas-imbas -
	payar - mayar → kelemayar	payar → pair - mayar → kelemayar

“Pengimbas”, dalam bahasa Melayu, berasal daripada kata “imbas” yang bererti (1) “arus udara (kerana orang mengipas, orang berjalan, dll); (2) arus elektrik; (3) dorongan (desakan)” (KD3, 1994) yang mendapat awalan peN- bagi menerangkan “alat” atau “pelaku”. Berdasarkan mata kasar, erti imbas tidak dapat menepati konsep “peranti yang digunakan untuk membaca aksara atau corak kod pada kertas dan menukarkannya kepada bentuk kod data yang dapat diproses oleh komputer” (KKom, 1994). Namun, dalam bahasa Melayu, ada ungkapan “imbas-imbas” yang bermaksud “hampir sama (serupa), seakan-akan” (KD3, 1994). Dengan meluaskan konsep “imbas-imbas” yang bererti “hampir sama atau serupa”, maka ia dapat menepati konsep “daripada bentuk yang lain kepada bentuk yang lain, iaitu daripada bentuk aksara atau corak kod pada kertas kepada bentuk kod data, dan bentuk yang dihasilkan hampir sama atau serupa”. Jadi, istilah **pengimbas** dirujuk kepada alat penukar yang dimaksudkan.

Bagi penutur bahasa Indonesia, istilah “pengimbas” ini sukar untuk di-

interpretasikan apatah lagi untuk difahami kerana konsep “imbas-imbis” seperti yang dijelaskan tidak pernah wujud dalam ensiklopedia mereka. “Imbas” dalam KBBI (2001) diertikan sebagai (1) “gerakan atau aliran udara; (2) dorongan; (3) penyakit yang disebabkan oleh hantu yang lewat”. Hal ini bererti, bagi penutur bahasa Indonesia, tidak ada sebarang maklumat yang dapat dimanfaatkan untuk meluaskan konsep imbas seperti yang terdapat dalam kognisi penutur bahasa Melayu, sedangkan untuk mencapai kerelevanan sesuatu ujaran, kesan kognitif amat diperlukan. Berdasarkan teori Relevans, satu kesimpulan atau kesan kognitif dapat dicapai dengan menghubungkan konsep *ad hoc* atau andaian sedia ada dengan pendengar. Penguatan andaian sedia ada membantu pendengar menjimatkan kos memproses sesuatu ujaran yang diterima dapat diinterpretasikan seperti yang dihajati. Nyatanya, “pengimbis” tidak mampu memberikan sebarang klu kepada penutur bahasa Indonesia, tentang apakah makna yang cuba disampaikan. Kos memproses maklumat yang diperlukan untuk menjadikan istilah tersebut relevan bagi mereka bukan sahaja tinggi, tetapi juga infiniti. Dalam bentuk matematik ia dapat dijelaskan sebagai berikut: Kesan kognitif (0) dibahagi dengan masa memproses (x), maka jumlahnya adalah infiniti. Dengan kata lain, istilah tersebut ialah istilah legap.

Sebagaimana sukarnya penutur bahasa Indonesia memahami istilah “pengimbis”, maka begitu jugalah sukarnya penutur bahasa Melayu menginterpretasikan istilah “pemayar”. Tidak ada sebarang klu yang dapat dimanfaatkan untuk mengembangkan kognisi penutur bahasa Melayu. Berdasarkan takrifannya, “alat yang dipakai untuk membaca sebuah dokumen yang tertulis pada sebuah kertas, dengan cara melewati pendeteksi image pada kertas tersebut. Alat ini mampu mengkonversikan citra ke dalam bentuk digital yang dapat disimpan atau diubah komputer” (Febrian dan Farida Andayani, 2002), maka dapat diketahui bahawa awalan pe- yang menyertai istilah tersebut menerangkan maksud kata nama atau dalam hal ini, “alat”. Oleh itu, istilah tersebut dijangka berasal daripada kata “payar” atau “mayar”. Namun, setelah merujuk KD3, kata “payar” tidak dijumpai. Pemilihan rujukan diteruskan dengan mencari makna kata “mayar” pula. Kali ini, dalam KD3, dijumpai kata “mayar” tetapi dirujuk pula pada kata “kelemayar” yang ertinya “binatang yang menyerupai lipan (liurnya bercahaya), intan cahaya (sinar) intan”. Sekali lagi, penutur bahasa Melayu gagal mengembangkan konteks melalui ensiklopedia yang munasabah agar selari dengan keupayaan daya ingatan mereka. Berdasarkan teori Relevans, bentuk-bentuk ujaran yang didengar oleh penutur seharusnya dapat dikembangkan untuk membentuk set konteks yang munasabah dan sesuai bagi

melahirkan kesan kognitif. Pengetahuan ensiklopedia yang ada pada pendengar digunakan untuk mengembangkan set konteks yang dimaksudkan sehingga terserlah kesan kognitif dan menjadikannya relevan. Hakikatnya, baik “payar” mahupun “kelemayar” masih tidak dapat memberikan klu kepada penutur bahasa Melayu untuk memahami istilah tersebut.

Kegagalan menemui sebarang maklumat dalam KD3 dan KBBI, mendorong penulis mencari maklumat yang lain dalam kamus IT berbahasa Indonesia. Daripada beberapa buah kamus yang dirujuk, ditemukan istilah *scanner*; tetapi padanan istilahnya bukan “pemayar”, sebaliknya **pemindai**. Penggunaan istilah ini turut disahkan oleh seorang responden di Indonesia yang sememangnya bergiat dalam bidang IT. Dalam bahasa Melayu, “pindai” diertikan sebagai “melihat dengan bersungguh-sungguh, memandangi, memerhatikan” (KD3, 1994), dan konsep “pemindai” lebih berpotensi untuk dikembangkan oleh penutur bahasa Melayu dan seterusnya dapat mengurangkan ketidakfahaman yang berlaku. Hakikatnya, “pemindai” bukan istilah yang dibakukan oleh Indonesia. Hakikatnya, istilah “pengimbas” tidak dapat difahami sama sekali oleh penutur bahasa Indonesia, begitulah juga sebaliknya istilah “pemayar” tidak dapat difahami oleh penutur bahasa Melayu. Dalam konteks kerjasama peristilahan MABBIM, adalah lebih baik sekiranya istilah-istilah tersebut tidak dikategorikan sebagai istilah yang dipersetujui sama (kategori A) kerana istilah tersebut dapat menimbulkan gangguan komunikasi dua hala Malaysia-Indonesia.

Gejala kelegapan istilah Malaysia-Indonesia juga terlihat pada istilah **penggodakan data** (Malaysia), **penyetelan data** (Indonesia) untuk padanan *data diddling* yang ditakrifkan sebagai semua aktiviti yang dapat mengubah suai data dengan cara mengurangkan, merawak, menambah, memadamkan atau mengubah seluruh maklumat/ data dari fail komputer.

Jadual 8 Padanan istilah bahasa Melayu dan bahasa Indonesia bagi data *diddling*.

Sumber	Malaysia	Indonesia
<i>data diddling</i>	penggodakan data Tindakan mengubah suai kandungan asal suatu fail atau dokumen dengan sengaja (KKom, 1994).	penyetelan data - (tidak diperoleh) -
	godak bercampur-campur (KD3, 1994).	godak Nasi yang bercampur dengan lauk” (KBBI, 2001).

sambungan Jadual 8

Sumber	Malaysia	Indonesia
	penggodakan memasak nasi godak.	penggodakan
	setel Id selengkap (pakaian, pinggan mangkuk, dll), peranggu (KD3, 1994).	setel (1) memutar untuk menyesuaikan jarum jam (tt arloji); (2) memasang (membunyikan) radio dgn menempatkan gelombangnya; (3) memasang (mengatur dsb) roda, mesin dsb (KBBI, 2001).

Ujian tahap ketelusan yang dijalankan mendapati bahawa 86.7% responden Indonesia tidak memahami makna “penggodakan data” dan 81.7% responden Malaysia tidak dapat memahami makna “penyetelan data”. Berdasarkan pembentukannya, “penggodakan” berasal daripada kata “godak” yang mendapat apitan peN...-an bagi menerangkan maksud proses. Sementara “godak” itu sendiri secara harfiah diertikan sebagai “bercampur-campur” sehingga dalam bahasa Melayu terdapat “nasi godak” iaitu “nasi yang dicampur dengan berbagai-bagai jenis lauk” (KD3, 1994). Dalam kalangan penutur dialek Utara pula, kata “godak” merujuk kepada “kerja mengacau-ngacau – biasanya waktu memasak”. Konteks yang ada dalam ensiklopedia penutur bahasa Melayu ini kemudiannya dikembangkan dan diluaskan maknanya sehingga menepati konsep istilah *diddling*. Dalam bahasa Melayu, *diddling* ditakrifkan sebagai “tindakan mengubah suai kandungan asal suatu fail atau dokumen dengan sengaja” (KKom, 1994). Berdasarkan takrifan tersebut, terlihat bahawa penutur bahasa Melayu cuba menyamakan kandungan “nasi godak” dengan kandungan “fail atau dokumen yang telah diubah suai”. Kedua-duanya menunjukkan sesuatu yang sudah bercampur baur. Mungkin dari analogi inilah, maka terciptanya istilah “penggodakan” dalam bidang teknologi maklumat.

Bagi penutur bahasa Indonesia, “godak” diertikan sebagai “nasi yang bercampur dengan lauk” (KBBI, 2001) namun, dalam kenyataannya walaupun di Indonesia terdapat berbagai-bagai makanan yang berasaskan nasi, tidak pernah ditemukan “nasi godak”. Hakikatnya, “godak” tidak pernah ada dalam ensiklopedia penutur bahasa Indonesia, sehingga istilah tersebut tidak memberikan sebarang klu tentang maksud yang cuba di-

sampaikan. Pada umumnya, apabila pendengar menerima sesuatu ujaran, maka mereka akan berusaha mentafsirkan mesej yang sebenarnya, mengikut andaian latar belakang pendengarnya. Dalam konteks ketelusan istilah “godak”, proses tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana mereka tidak menemukan sebarang maklumat yang berkaitan untuk dikembangkan bagi mencapai kerelevanan yang optimum. Konsep *ad hoc* yang sepatutnya hadir bersama-sama dengan andaian sedia ada pendengar ternyata tidak terjana kerana pengalaman itu tidak pernah hadir sebelumnya. Hal ini menyebabkan kos memproses istilah ini terlalu tinggi, bahkan infiniti, sedangkan istilah yang diterima tidak dapat diinterpretasikan sebagaimana yang dikehendaki. Nyata, istilah “godak” merupakan istilah yang tidak dapat difahami sama sekali oleh penutur bahasa Indonesia. Mengikut teori Relevans, istilah legap akan menjadi tidak relevan dan tidak dapat digunakan sama sekali. Risiko kesalahfahaman maknanya sangat tinggi. Kos memproses di peringkat kognitif pula menjadi sangat sukar dan akhirnya boleh menyebabkan ketergendalaan komunikasi.

Berbalik kepada istilah “penyetelan data” yang juga merupakan padanan kepada istilah *diddling*. Dalam bahasa Indonesia, “penyetelan” berasal daripada kata “setel” yang mendapat apitan peN-...-an yang berfungsi untuk menjelaskan makna proses. “Setel” itu sendiri diserap daripada bahasa Belanda *stel* yang secara harfiah diertikan sebagai “pasangan” atau “memasang” (Wojowasito S., 1978). Berdasarkan ejaan Van Ophusyen, semua kata serapan daripada bahasa asing (khususnya, Belanda) yang mempunyai konsonan rangkap perlu disisipi dengan “e” (pepet) (Tirtawijaya, 1988), misalnya “setip” daripada *stuip*, “sekop” daripada *schop* dan “sepur” daripada *spoor*. Sesuai dengan bentuk pengejaan tersebut, maka ejaan *stel* berubah menjadi “setel”. Dari segi maknanya pula, telah berlaku perluasan konsep, iaitu daripada makna “memasang” menjadi (1) “memutar untuk menyesuaikan jarum jam; (2) memasang (membunyikan) radio dengan menempatkan gelombangnya; (3) memasang (mengatur) roda, mesin, dll; (4) mencocokkan supaya sesuai” (KBBI, 2001). Dalam konteks teknologi maklumat, “penyetelan data” mungkin bermaksud “memadamkan data mengikut kesesuaiannya”.

Walau apa pun takrifannya, “penyetelan data” pada umumnya sangat tidak relevan kepada penutur bahasa Melayu. Tidak ada sebarang konsep *ad hoc* yang dapat dihubungkan dengan pendengar bagi mencapai kesan kognitif. Berdasarkan teori Relevans, pengukuhan andaian sedia ada akan membantu pendengar menjimatkan kos memproses sesuatu ujaran yang diterima agar dapat diinterpretasikan seperti yang dikehendaki. Sekiranya

kos memproses sesuatu ujaran rendah, maka kesan kognitif yang dicapai akan tinggi. Kesan kognitif yang tinggi akhirnya akan menghasilkan relevan yang optimum. Dalam hal ini, meskipun “setel” sudah mula menular dalam kalangan penutur bahasa Melayu, pada umumnya mereka masih tidak dapat menginterpretasikan makna sebenarnya sebagaimana yang di-hajati penutur. Oleh sebab penutur bahasa Melayu gagal menemukan sebarang maklumat yang dapat dikembangkan, maka kos memproses kekal tinggi dan sangat tidak berbaloi dengan hasil yang diperoleh. Mengikut teori Relevans, lagi, konteks masyarakat penutur dan pendengar sangat penting agar apa-apa yang hendak disampaikan berbaloi dengan usaha yang dicurahkan. Penggunaan ujaran yang sukar dan tidak jelas hanya akan menyukarkan pemprosesan maklumat yang ada. Akibatnya, istilah sukar untuk difahami dan komunikasi tidak akan berjalan dengan lancar.

KESIMPULAN

Perbezaan antara istilah Malaysia dengan Indonesia, khususnya dalam rangka kerja peristilahan MABBIM sememangnya telah lama wujud. Dan, soal selidik yang dijalankan membuktikan kewujudan perbezaan tersebut. Kajian mendapati bahawa sebahagian daripada istilah yang dipersetujui sama (kategori A) dapat menimbulkan perselisihan makna, bahkan ada yang tidak dapat difahami sama sekali. Pada hakikatnya, perbezaan bentuk sama sekali tidak mengganggu komunikasi dua hala Malaysia-Indonesia, asal sahaja dapat difahami. Namun, istilah yang dikategorikan sebagai konflik dan legap, terbukti menyukarkan dan tidak disenangi oleh pengguna kerana dapat menimbulkan salah faham dan gangguan komunikasi, khususnya dalam usaha memindahkan teknologi dari negara anggota. Ketidakselarasan ini sememangnya tidak dapat dihindari kerana istilah-istilah tersebut sebahagiannya sudah mempunyai tradisi hayat yang lama di negara masing-masing. Selain itu, istilah yang dibentuk itu juga mewakili pandangan dunia penutur itu sendiri. Oleh itu, setiap perbezaan perlu dihormati kerana ia merupakan satu keunikan masing-masing bahasa.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 2004. *Mufakat Bahasa: Sejarah MBIM/MABBIM sebagai Pembina Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baldinger K., 1952. *Ueber die gestaltung des wissenschaftlichen wörterbuchs*. <http://www.admin.ch/ch/i/bk/termdat/x/working/cst/n/kww-n12.pdf> [15 Ogos 2004].

- Barsalou, 1987. *Context Selection: Cognitive Representation and the Relevance of On-Line Constructions*. http://www.zas.gwz-berlin.de/events/sub/abstracts/6_Stavros_Assimakopoulos_Cognitive_representation_and_the_relevance_of_on_line_constructions.pdf [25 Jun 2005].
- Bou Franch, Patricia, 2002. *Misunderstandings and Unofficial Knowledge in Institutional Discourse*. <http://www.ua.es/personal/francisco.yus/rt.html#inference> [24 Oktober 2005].
- Febrian, Jack dan Farida Andayani, 2002. *Kamus Komputer dan Istilah Teknologi Informasi*. Bandung: Informatika.
- Glosari Teknologi Maklumat*, 1996. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glosari Teknologi Maklumat*. Jil. II, 2000. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad, 1968. "Istilah dalam Akhbar" dlm. *Berita Harian* 12 Jun: 5.
- Higashimori, I and D. Wilson, 1996. "Questions on Relevance." *UCL Working Papers in Linguistics* 8: 111–124. <http://www.phon.ucl.ac.uk/publications/WPL/96papers/higashi.pdf> [12 April 2005].
- Kamus Besar Bahasa Indonesia*, 2001. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*. 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Komputer*. 1993. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Matsui, Tomoko, 2002. *Concept – not quite an open shut case*. <http://www.linguistics.stanford.edu/semgroup/archive/2002/tomoko.rtf> [4 April 2006].
- Mangunsuwito, S.A., 2002. *Kamus bahasa Jawa*. Bandung: Yrama Widya.
- Moeliono, Anton M., 2001. "Sudah perlukah perevisian pedoman umum pembentukan istilah (dan pedoman umum ejaan bahasa Indonesia yang disempurnakan) dilakukan?". Kertas cadangan yang dikemukakan kepada MABBIM semasa Sidang ke-15 Pakar MABBIM, Denpasar, Bali, 10–14 September.
- Moreno, Rosa Elena Vega, 2002. *Idioms and idiomatic variants: a relevance-theoretic account*. http://www.phon.ucl.ac.uk/home/rosa/rosa_aesla_paper.html [10 Februari 2006].
- Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*, 1975. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*, 2004. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pitch, H. and Draskau, J., 1985. *Terminology, an Introduction*. Copenhagen: The Copenhagen Series 8. Wien: K.G. Saur.
- Prawiroatmodjo, S. t.th. *Bausastra Djawa – Indonesia*. Surabaya: Penerbit Express & Marfiah.
- Sperber, D. dan Wilson, D., 1995. *Relevance: Communication and Cognition*. Oxford: Blackwell.
- Sperber, D. dan Wilson, D., 2002. *Relevans Theory*. <http://www.relevans-theory-online> [5 Mac 2005].

NOR HASHIMAH JALALUDDIN DAN JUNAINI BINTI KASDAN

Tirtawijaya, Totong, 1988. *Bahasa Indonesia untuk perguruan tinggi*. Surabaya: University Press IKIP.

Wojowasito, S., 1978. *Kamus Umum Belanda-Indonesia*. Jakarta: Penerbit Ichtiar Baru – Van Hoeve.